



KENANGAN ... Delegasi Kekaumas semasa berada di Bandaraya Brunei.

UB 2/4/2011 B1B

## Pemimpin Kekaumas lawat Sarawak dan Brunei

KOTA KINABALU: Pemimpin dan ahli Kesatuan Kakitangan Am, Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas UMS) ke negara Brunei Darussalam dan negeri Sarawak Bumi Kenyalang telah berjaya dilaksanakan dengan begitu cemerlang.

Delegasi 18 orang itu diketuai Presiden Kekaumas, Amat Jutrah Hj. Musniah yang dibantu Timbalan Presiden, Jideh Jurin dan tiga Ahli Jawatankuasa (AJK) Kesatuan, iaitu Harun Tambiri, Salmiah Hj. Tertip dan Saidin Hj. Marjan telah bertolak ke Kuching pada 24 Mac lalu dan kembali semula ke UMS pada 30 Mac 2011.

Ketika dalam perjalanan ke Kuching, delegasi Kekaumas telah melawat negara Brunei Darussalam dan bandar-bandar utara hingga ke selatan Sarawak.

Perjalanan hampir 4,000 kilometer pergi dan balik selama empat hari dua malam itu telah memberikan suatu pengalaman yang amat berharga kepada setiap peserta yang menyertai lawatan berkenaan.

Sungguhpun keletihan dalam perjalanan

ramai peserta telah menyatakan kepuasan dan keseronokan selain menikmati pemandangan yang indah yang sukar didapati di Sabah.

Delegasi berkenaan juga telah berkesempatan berkunjung ke tamu hujung minggu di sempadan Malaysia – Indonesia di Serikin.

Rombongan Kekaumas UMS telah sampai ke kemuncak perjalanan iaitu di Universiti Malaysia Sarawak (UNiMAS) untuk menghadiri majlis perasmian mesyuarat perhimpunan semua delegasi Presiden dan Setiausaha Kehormat serta ahli-ahli Kesatuan Gabungan Kesatuan Universiti Malaysia (Gakum) seluruh IPTA Malaysia yang telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UNiMAS, Prof. Mohd. Fadzil Abdul Rahman.

Selepas perasmian berkenaan, Pengerusi Gakum, Datuk Hj. Omar Hj. Osman yang juga Presiden Cuepacs telah mempengerusikan mesyuarat Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat seluruh IPTA Malaysia pada 29 Mac 2011.



ALBUM ... Delegasi Kekaumas bergambar di sekitar kampus UNiMAS.



MESYUARAT ... Prof. Mohd. Fadzil Abd. Rahman (tengah) bersama Datuk Hj. Omar Hj. Osman (kanan) dan Setiausaha Kehormat Gakum, Hj. Ku Azmi Ku Ibrahim.